

TAHUN 10 BILANGAN 37 RABU 22 DISEMBER, 1965. 1385 رابو 29 شعبان PERCHUMA

Y. T. M. Duli Pengiran Bendahara

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permai Suara Muda Haji Hashim ibni Almarhom Duli Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman, selaku Timbalan Sultan, telah merasmikan Pembukaan Mashuarat Kedua dari Musim Permarshuaratan Ke-Enam (Belanjawan) Majlis Mashuarat Negeri Brunei di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Ithnin 20 Disember, 1965.

Dalam Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang telah di-bacakan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dari Singgahsana di-Dewan ter-

Selaku Timbalan Sultan Merasmikan Pembukaan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri

sebut, Baginda bertitah Kerajaan Baginda menyedari bahawa kemajuan laila siasah mesti-lah berjalan berbimbingan tangan dengan laila ranchangan perkembangan dan Baginda yakin bahawa Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei akan menyokong penoh chadangan2 bagi menaik-

kan taraf hidup raayat dan men-chuba dengan sa-berapa daya upaya mereka untuk memper-olehi kegiatan kerjasama dari raayat dalam melaksanakan chadangan2 yang tertinggi hematnya.

Uchapan yang di-lafadzkan oleh Yang Teramat Mulia Seri

Paduka Duli Pengiran Bendahara di-majlis tersebut, ada-lah saperti berikut:

“Yang Berhormat Ketua Dewan dan Ahli2 Yang Berhormat. Dengan titah perentah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan saya sekarang akan membaca kapada Yang Berhormat sekalian titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan pada hari Majlis Mashuarat Negeri ini yang mana ada-lah saperti berikut:

“Yang Berhormat Ketua Dewan dan Ahli2 Yang Berhormat.

Tetekala Beta beruchap pada Sidang Pertama bagi Majlis Mashuarat ini dalam bulan April tahun ini, Beta telah menyusol kapada Kertas Puteh yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis Mashuarat oleh Kerajaan Beta tentang penubohan Sistem Kementerian. Chadangan2 Kerajaan Beta telah di-luluskan oleh Majlis Mashuarat, yang demikian menyediakan jalan bagi kemajuan perlembagaan selanjutnya.

Di-persidangan ini, Ahli2 Yang

(Lihat muka 4)

Banjir Di-Malaya:

Kerajaan Brunei Menderma \$5,000

BANDAR BRUNEI. — Negeri2 di-Pantai Timor Malaya, ia-itu Kelantan dan Trengganu sejak beberapa hari yang lalu hingga ka-hari ini maseh menghadapi akibat benchana alam — ia-itu banjir.

Kejadian yang tidak boleh di-elakkan ini telah mengakibatkan kerosakan harta-benda yang sangat besar dan juga kehilangan nyawa.

Pada masa ini penduduk2 di-kawasan tersebut sedang mengalami kesusahan kehidupan sehari2.

Dengan keadaan yang demikian itu, maka Kerajaan Brunei telah pun mengutuskan kapada Kerajaan Malaysia ucapan rasa simpati-nya atas kejadian itu.

Kerajaan juga telah menderma wang sebanyak \$5,000 ia-itu \$2,500 bagi tiap2 sa-buah negeri tersebut.

Kerajaan berharap derma tersebut akan dapat di-gunakan demi untuk kebajikan mangsa2 banjir itu. Demikian menurut satu Siaran Akhbar yang di-terbitkan oleh Jabatan Setia Usaha Kerajaan Brunei pada 16 Disember, 1965.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Muda Haji Hashim selaku Timbalan Sultan, kelihatan melafadzkan Titah Uchapan Diraja dari Singgahsana di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Ithnin 20 Disember, 1965 semasa merasmikan pembukaan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei. Dudok di-sabelah kanan dalam gambar ini ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.



Gambar ini diambil sa-tiba-nya rombongan Pengakap2 dari Brunei di-Perhentian Kereta Api Bangkok pada 9 Disember, 1965



Perkhemahan Pengakap2 Sa-Asia Di-Bangkok:

Perwakilan Brunei Menjadi Johan Dalam Bahagian "Menarek Perhatian Pelawat2" oleh Awang Ahmad Arshad-Wartawan Pelita Brunei

VAJIRAVUDH, THAILAND. — Perwakilan Pengakap2 Negeri Brunei ka-Perkhemahan Pengakap Sa-Asia yang ke-5 atau "5th National Jamboree" yang di-adakan tahun ini di-Thailand telah mendapat sambutan yang hangat sa-tiba-nya mereka di-Kawasan Perkhemahan Vajiravudh pada 9 Disember, 1965.

Pengakap2 Brunei itu telah diberi satu kawasan perkhemahan yang luas-nya kira2 satu ekar yang di-dirikan dua buah khemah untuk sa-ramai 37 orang pengakap2 tersebut.

Sa-banyak 8 buah negeri di-Asia termasuk Brunei telah mengambil bahagian dalam perkhemahan tersebut. Negeri2 itu ialah United Kingdom, Australia, New Zealand, Brunei, China, Laos, Malaysia dan Singapura.

Jumlah pengakap2 luar dari Negeri Thailand yang mengambil bahagian dalam perkhemahan itu 432 orang dan yang paling banyak sa-kali menghantar perwakilan-nya ka-Jamboree tersebut ialah negeri Malaysia ia-itu sa-ramai 171 orang.

Perkhemahan tersebut telah di-hadiri juga oleh lebih 6,000 orang pengakap2 di-sekitar negeri Thailand.

Pada hari pertama perkhemahan itu di-jalankan ia-itu pada 10 Disember, 1965, Brunei telah terchatet sa-bagai perwakilan yang paling ramai sa-kali di-kunjongi oleh pelawat2. Dengan ini, dalam chatetan markah, Brunei telah menjadi johan dalam bahagian *menarek perhatian* pelawat2.

Manakala pada hari kedua pula, Brunei telah berjaya mendapat 3 buah bendera kejohanan dalam bahagian Tatatertib Perkhemahan atau Camp Standard. Ketiga2 buah bendera itu telah berkibar di-hadapan Perkhemahan Brunei.

Mengenai masakan pula, Pengakap2 Thailand telah memberi pujian kerana kelazatan masakan Brunei yang di-masak oleh pengakap2 Brunei sendiri.

Pada hari Juma'at 10 Disem-

ber, 1965, Ketua Perwakilan Brunei, Awang A. M. Salleh Ibrahim dengan di-temani oleh Awang Matamit bin Iradat, Guru Pengakap Daerah Belait telah mengadakan lawatan ka-Pejabat Akhbar Pengakap2 di-Vajiravudh Scout Camp.

Duli Yang Maha Mulia Putera Mahkota Vajiralongkorn, Putera Mahkota Thailand, sa-orang Pengakap Kelas Satu di-Sekolah Chitralada dan Ketua Patrol, telah melawat ka-Perkhemahan Pengakap2 Brunei pada 10 Disember, 1965.

Sabagai kenang2an lawatan Di-raja itu, Pengakap2 Brunei telah menghadiahkan sa-batang tongkat yang di-perbuat dari jenis kayu "Tunjang Pipit" ia-itu satu jenis kerajinan tangan penduduk2 Brunei.

TARIAN "ADAI-ADAI"

Sa-lain dari itu, sa-bagai mengalu2kan lawatan Di-raja itu, Pengakap2 Brunei juga telah mempersembahkan sa-buah tarian asli Brunei yang tidak asing lagi ia-itu

tarian "Adai Adai".

Pengakap2 Brunei telah bertuah kerana dapat beramah tamah dengan Putera Mahkota Thai itu yang juga menjadi sa-orang pengakap yang aktive dari keturunan Di-raja Thailand.

Putera Diraja itu, ketika bertemu ramah dengan Pengakap2 Brunei telah menunjukkan keikhlasan-nya dan Baginda juga sentiasa mengeluarkan kalimat "my brothers from Brunei".

Pengakap2 Brunei yang mengandongi 37 orang termasuk 12 orang guru2 pengakap telah tiba di-kawasan Perkhemahan tersebut pada petang 9 Disember, 1965.

Sa-lepas tujuh hari dalam perkhemahan nanti, Pengakap2 Brunei itu akan menginap di-Sekolah Vathanavech, Dhonburi sa-lama 3 hari dan akan mengadakan lawatan di-tempat2 yang terkenal di-sekeliling Bangkok.

PENGAKAP2 YANG PERAMAH

Pengakap2 Brunei itu sentiasa dalam keadaan sehat dan mereka telah mendapat pujian sa-bagai pengakap2 yang peramah dan hormat dan di-chatet dalam hati Pengakap2 Thailand sa-bagai "baik hati".



Majlis Penyampaian Sijil Kelas2 Dewasa

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis Penyampaian Sijil Kelas2 Dewasa Bandar Prunei telah di-adakan di-Dewan Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada petang hari Selasa 14 Disember, 1965.

Sijil2 itu telah di-sampaikan oleh Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lokan bin Uking.

Di-antara ramai para hadirin di-majlis tersebut ia-lah Penolong Menteri Pos dan Kebajikan, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Limbang; Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh; Penolong Menteri Kesehatan, Yang Berhormat Pehin Bendahari China Awang Hong Kok Tin; Pegawai Pelajaran Negara, Yang Berhormat Awang Malcolm MacInnes; Pegawai2 Kanan Jabatan Pelajaran dan lain2-nya.

Sa-belum menyampaikan Sijil2 kepada penuntut2 yang berjaya, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lokan telah memberikan satu ucapan mengandongi nasihat2 yang berfaedah bukan sahaja kepada penuntut2 Kelas2 Dewasa tersebut, bahkan kepada penuntut2 dan murid2 sekolah di-negeri ini samom-nya.

Turut memberikan ucapan di-majlis tersebut ia-lah Penyusun Pelajaran Dewasa Negeri Brunei, Awang Umar bin Muhammad; Wakil Penuntut2 Kelas2 Dewasa tersebut, Awangku Matarsad bin Pengiran Metassan dan oleh Pengerusi Majlis itu, Awangku Tuah bin Pengiran Haji Menuddin.

Seramai 5 orang penuntut2 telah di-berikan Sijil Perguruan Trengkas dan Menaip; 24 orang penuntut2 Sijil Menaip dan Trengkas, Peringkat2 Permulaan dan Menengah; 52 orang penuntut2 Sijil bagi orang2 dewasa memberantas buta huruf dan 6 orang penuntut2 di-berikan Sijil Bahasa Melayu bagi orang2 yang bukan Melayu Tingkatan III.

Perkhemahan Pengakap2 Brunei di-Perkhemahan Pengakap Antara Bangsa di-Bangkok telah di-kunjongi oleh ramai para para pelawat pada tiap2 hari di-adakan perkhemahan tersebut. Ini-lah satu pemandangan Perkhemahan Pengakap Brunei di-perkhemahan tersebut. Dalam gambar ini kelihatan sa-orang Pengakap Brunei, Awang Md. Tahir Wahab sedang memberi penerangan kepada pelawat2.

HALAMAN UGAMA

MULIA-NYA ORANG YANG BERPUASA

(Sambongan Minggu Lalu)

Puasa yang dikehendaki oleh UGAMA Islam, ia-lah puasa yang dapat menanam sifat2 taqwa di-dalam diri sa-saorang itu, puasa yang demikian itu tidak akan dapat di-chapai melainkan apabila orang yang berpuasa itu dapat menahan diri daripada melakukan dosa2, dan dapat mengawal serta menahan diri-nya daripada menurukan hawa nafsu, sa-bagaimana ia dapat menahan diri daripada makan, minum, dan menahan diri daripada melakukan perkara2 yang membatalkan puasa.

Tujuan berpuasa yang utama ia-lah supaya sa-saorang itu berlaku sederhana dalam makan minum-nya, supaya dapat merehatkan alat2 pencernaan (alat2 yang menghadamkan makanan) yang telah sa-tahun bekerja tidak berhenti2, dan supaya sa-saorang itu dapat meninggalkan segala perbuatan yang berlebihan2, seperti berbelanja dan memakan yang berlebihan2 (lebih daripada bulan2 yang lain).

Dengan berpuasa sa-bulan di-alam sa-tahun (dalam Bulan Ramadhan) sa-saorang itu dapat menghidupkan rasa kesedaran pada diri sendiri, umpama-nya kalau biasa-nya sa-saorang itu hidup senang linang dan mewah, ia dengan sendiri-nya akan

oleh: **BADAN PENERANGAN UGAMA ISLAM BRUNEI.**

insaf betapa berat-nya tanggung jawab sa-orang miskin yang menderita. Pendek kata, puasa sa-saorang belum cukup sempurna sa-lagi ia belum dapat menumbuhkan rasa "TAQWA", rasa kesedaran dan keinsafan pada diri orang yang berpuasa itu.

Mereka yang berpuasa dengan penoh rasa keinsafan dan kesedaran, akan dapat-lah derjat atau mertabat yang paling tinggi, kerana sa-lain daripada mendapatkan pahala daripada Tuhan-nya, ia juga dapat pengampunan dari segala dosa2 yang pernah di-lakukan-nya, sa-bagaimana sabda Nabi Mohammad saw.:-

"Barang siapa berpuasa Ramadhan dengan penoh keimanan dan penoh rasa kesedaran, di-ampunkan dosa-nya2 yang telah lalu."

KAPADA SIAPA DI-WAJIBKAN BERPUASA

Berpuasa dalam Bulan Ramadhan itu di-wajibkan ka-atas orang2 yang di-sebutkan di-bawah ini:-

1. Sa-tiap orang Islam.
2. Sa-tiap orang Islam yang telah baligh (chukup umur). Tetapi sa-baik2-nya hendak-lah di-lateh kanak2 supaya berpuasa.

3. Orang yang sempurna akal-nya, tidak wajib berpuasa bagi orang gila dan rosak (batal) orang yang sedang berpuasa tiba2 pitam atau pingsan (tidak sedarkan diri).

4. Berdaya mengerjakan-nya, tidak wajib berpuasa bagi orang yang telah terlalu tua dan tidak berdaya mengerjakan puasa. Atau orang sakit tenat (kuat) yang tidak ada harapan sembuh.


5. Orang yang menetap diam dalam sa-sabua negeri, bukan musafir atau orang yang sedang di-dalam pelayaran.

SHARAT SAH PUASA

Sharat2 sah puasa itu ada 4 perkara:-

1. Islam, tidak sah menurut UGAMA Islam puasa sa-saorang yang tidak atau yang belum memeluk UGAMA Islam.
2. Bagi perempuan hendak-lah suci daripada haidh dan nifas.
3. Mumaiyiz (tahu membezakan), maka sab-lah puasa sa-saorang kanak2 yang telah tahu membezakan sa-suatu, biar pun ia belum cukup umur (baligh).

4. Di-lakukan pada hari2 yang di-bolekan berpuasa, kerana puasa itu ada kala-nya **WAJIB**, seperti Puasa Ramadhan, dan puasa2 **NADZAR**. Ada kala-nya **SUNAT** seperti puasa 6 hari sa-telah sa-hari daripada Hari Raya Puasa atau puasa pada hari **WUKUF DI-ARAFAH**. Ada kala-nya **MAKROH** seperti puasa sa-tiap hari sa-umur hidup-nya, dan ada kala-nya **HARAM**, seperti puasa pada 2 Hari Raya, ia-itu Hari Raya Puasa (Shawal) dan Hari Raya Haji, atau puasa pada Hari2 Tashrik ia-itu pada 11, 12 dan 13 Dzul Hijjah, atau puasa pada Hari **Shak**, ia-itu pada hari yang ketiga puluh Sha'aban, tetapi maseh di-ragu2-kan, sama ada pada hari itu telah masuk pada awal Ramadhan, atau maseh dalam Bulan Sha'aban.



Pengetua Pegawai Hal Ehwal UGAMA Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin kelihatan dalam gambar ini semasa memberi ucapan di-Majlis Perpisahan Guru2 UGAMA di-Kelas Guru Daerah Brunei dan Muara di-Dewan Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei pada hari Sabtu 11 Disember, 1965.



Dayang Aminah binti Siling dari Daerah Brunei dan Muara yang telah sekali lagi berjaya menyandang gelaran Johan Bachaan Al-Koran Seluruh Negeri Brunei Bahagian Perempuan baru2 ini ia-itu pada tahun yang kedua berturut2.

RUKON2 PUASA

oleh: **BADAN PENERANGAN UGAMA ISLAM BRUNEI.**

hidong, lubang telinga, ang- 2. Muntah dengan sengkaja.
gota pelepas najis (hadapan 3. Mengeluarkan mani.
atau belakang). 4. Bersetuboh.

5. Kedatangan haidh, nifas dan beranak.
6. Gila.
7. Pitam atau mabok sa-panjang hari.
8. Murtad (keluar dari UGAMA Islam).

(BERSAMBONG)

Rukon Puasa itu 3 perkara:

1. Niat pada malam hari: Bagi sa-saorang yang hendak menunaikan fardhu puasa pada bulan Ramadhan wajib ia berniat pada tiap2 malam dan berazam akan melakukan puasa itu daripada malam-nya. Lafadz-nya dalam bahasa Melayu-nya: "Sahaja aku berpuasa pada esok hari kerana menunaikan fardhu bulan Ramadhan tahun ini, kerana Allah Ta'ala."
2. Menahan diri daripada perkara2 yang membatalkan (merosakkan) puasa.
3. Diri orang yang mengerjakan puasa.

PERKARA2 YANG MEM-BATALKAN (MEROSAKKAN) PUASA

Perkara2 yang membatalkan (merosakkan) puasa ia-lah 8 perkara:-

1. Memasukkan sa-suatu benda dengan sengkaja ka-dalam rongga badan atau rongga kepala, seperti mulut, lubang



Gambar in di-ambil sa-lepas di-adakan Majlis Perpisahan Guru2 UGAMA di-Kelas Guru Daerah Brunei dan Muara bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei pada 11 Disember, 1965. Dalam gambar ini kelihatan Dudok di-tengah ialah Pengetua Pegawai Hal Ehwal UGAMA Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

PEMBUKAAN RASMI PERSIDANGAN M. M. N. BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara telah menerima Tabek Kehormatan Diraja dari Pasokan Pulis Diraja Brunei dan seterusnya memeriksa Barisan Kehormatan.

Terdahulu dari itu, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara telah menerima Tabek Kehormatan Diraja dari Pasokan Pulis Diraja Brunei dan seterusnya memeriksa Barisan Kehormatan.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara telah disambut dan di-alu2kan oleh Dato Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri, Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar dan di-perkenalkan kepada Ahli2 Majlis Mashuarat Menteri.

Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah di-mulai dengan Perarakan Dato Speaker tepat pada jam 9 pagi hari tersebut.

Kemudian di-adakan bacaan Do'a Selamat oleh Kadzi Daerah Brunei dan Muara, Abang Razali bin Haji Zainuddin.

MENGANGKAT SUMPAAH

Sa-lepas itu Timbalan Jurutulis Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Awang Judin bin Asar telah Mengangkat Sumpah.

Atas chadangan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof dan sokongan oleh Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, majlis telah meluluskan Minit Mashuarat yang lalu.

Yang Berhormat Dato Speaker, kemudian-nya menanggohkan mashuarat untuk menunggu ketibaan keberangkatan Timbalan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara ka-Dewan Kemasharakatan itu.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara telah berangkat masuk ka-Dewan tersebut dengan di-iringi oleh Perarakan pada jam 10-20 pagi dan menduduki Singgahsana di-mana Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara telah melafadzkan itah Diraja dari Singgahsana. Sa-lepas keberangkatan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Berhormat Dato Speaker pun menanggohkan persidangan itu ka-jam 2 petang hari tersebut.



Mashuarat Kedua dari Musim Permarshuaratan Ke-enam (Belanjawan) bagi Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei mulai pada hari Ithnin 20 Disember, 1965. Persidangan itu di-sambungkan kelemarin dan diteruskan pada pagi hari ini. Gambar ini di-ambil semasa di-adakan persidangan Majlis Mashuarat tersebut pada hari Ithnin yang lalu.

Majlis Penubohan Rasmi Perangkab

KAMPONG BURONG PINGAI DARAT. — Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Awang H. M. Salleh telah merasmikan penubohan Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai, Brunei (PERANGKAB) pada jam 9-30 pagi hari Ahad 19 Disember, 1965 di-Kampung Burong Pingai Darat.

Ahli2 persatuan tersebut ada-lah terdiri dari pemuda2 dan pemudi2 yang tinggal di-Kampung Burong Pingai Laut dan Darat.

Dalam ucapan Awang H. M. Salleh di-majlis tersebut beliau telah menasehatkan kepada ahli2 persatuan itu supaya mereka bekerjasama dan bersatu-padu dengan tidak berpecah belah untuk faedah kebajikan mereka.

Awang H. M. Salleh juga telah menasehatkan kepada ahli2 persatuan yang baru di-tubuhkan itu dan pendaftaran-nya pun sudah di-luluskan oleh Kerajaan, supaya mereka menjauhi-lah so'al politik dalam dasar persatuan itu.

Turut memberi ucapan di-majlis tersebut ia-lah Yang Dipertua Majlis Belia sa-Negeri Brunei, Y.B. Awang Abdul Aziz Umar dan Pengerusi Sementara persatuan itu Awang Mohaimin bin Dato Imam Haji Metali.

Majlis itu di-akhiri dengan bacaan Do'a Selamat oleh Ustadz Abdullah bin Othman.

Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara Selaku Timbalan Sultan Merasmikan Pembukaan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri

(Dari Muka 1)

Berhormat akan di-pinta mengambil perhatian mengenai Kertas Puteh No. 4 tahun 1965 yang mengandungi isi kata surat kenyataan yang telah di-persetujui pada akhir perbincangan2 Beta dengan Setiausaha Negara dalam bulan Mei.

Beta berikutan-nya telah melantek seramai empat orang Penolong Menteri dalam bulan Jun dan yang demikian telah menubuhkan permulaan2 bagi suatu Sistem Kementerian.

Beta akan dapat meneliti dengan sa-beberapa chermat-nya laporan tentang perjalan2 sistem ini bila telah siap di-sediakan dan menurut susunan hasil dari penyiasatan dan keterangan yang memuaskan bila Beta balek atau di-dalam Beta berada di-Brunei dari lawatan Beta ka-United Kingdom.

Kerajaan Beta seterusnya menyedari bahawa kemajuan laila siasah mesti-lah berjalan berbilang tangan dengan laila rancangan perkembangan. Ahli2 sendiri akan menyedari mengenai kemajuan yang telah di-perbuat di-dalam lapangan pelajaran dan kebajikan masharakat seluruh negeri.

Beta yakin bahawa Ahli2 Yang Berhormat akan menyokong penoh chadangan2 bagi taraf hidup rayaat dan bahawa

Ahli2 Yang Berhormat akan menchuba dengan sa-beberapa daya upaya mereka untuk memperolehi kegiatan kerjasama dari rayaat dalam melaksanakan chadangan2 yang tinggi hemat-nya ini.

Di-mashuarat Belanjawan ini Ahli2 Yang Berhormat akan menyedari mengenai betapa banyaknya projek2 terhadap mana kebenaran mereka ada-lah dipohonkan dalam memperuntukkan wang perbelanjaan yang perlu. Beta yakin bahawa Ahli2 Yang Berhormat akan melakukan kesemua yang boleh dalam kuasa mereka untuk mengerjakan supaya projek2 ini ada-lah berjaya.

Beta suka mengakhiri dengan berdo'a memohon pertolongan Tuhan Yang Maha Kuasa di-atas penetapan2 Ahli2 Yang Berhormat supaya hal ini akan mendatangkan faedah kepada rayaat dan memajukan kehadiran kemajuan Negeri ini".

MALAM ULANG TAHUN

K. D. UGAMA

SERIA. — Pelajar2 Kelas Dewasa Ugama, Lelaki dan Perempuan di-Seria telah mengadakan Malam Ulang Tahun Pelajar2 pada malam 16 Disember yang lalu di-Masjid Seria.

Ramai pelajar2 tersebut dan kaum Muslimin dan Muslimat telah hadir di-majlis tersebut.

Majlis Kanak2 Di-Rumah Sakit Brunei Anjoran Kelab Rotary Antara Bangsa

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis untuk menyampaikan chenderamata2 kepada kanak2 yang sakit di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei bagi menyambut Hari Raya Krismas akan di-adakan di-Bilik Kanak2, Rumah Sakit itu pada jam 3-30 petang hari Rabu 22 Disember, 1965.

Majlis kanak2 itu akan di-adakan di-bawah anjoran Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei dan di-kelelakan oleh Pegawai Perubatan Negara serta Matron dan Pegawai2 Perubatan di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei.

Keputusan untuk mengadakan Majlis Kanak2 itu telah di-persetujui dalam satu perjumpaan antara Anggota2 Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei dengan Pegawai Perubatan Negara, Dato Doktor P. I. Franks di-pejabat beliau baru2 ini.

Perjumpaan tersebut telah di-hadiri oleh Pemangku Yang Dipertua Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei, Awang G. V. de Freitas; Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin (Pengerusi Jawatan Kuasa Perkhidmatan Masharakat, Kelab Rotary Antara Bangsa

Brunei); Awang Mohammed Zain Ariff (Setia Usaha Jawatan Kuasa Perkhidmatan Masharakat, Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei); Dato P. A. Coates dan Awang Lam Soo Man (Ahli2 Jawatan Kuasa Perkhidmatan Masharakat, Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei).

Turut hadir di-majlis perjumpaan tersebut ia-lah Doktor I. G. Singh dan Matron Dayang B. Berthoud dari Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei.

SAMBUTAN HARI RAYA DAN TAHUN BARU CHINA

Majlis perjumpaan tersebut telah

juga bersetuju hendak mengadakan Majlis Kanak2 bagi menyambut Hari Raya Puasa dan Tahun Baru China di-bawah anjoran Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei.

Majlis Kanak2 tersebut akan di-adakan di-Bilik Kanak2 Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei pada hari Selasa 25 January, 1966.

Berhubung dengan Majlis Kanak2 bagi menyambut Hari Raya Puasa dan Tahun Baru China, Yang Dipertua Kelab Rotary Antara Bangsa Brunei dan Ahli2 Jawatan Kuasa Perkhidmatan Masharakat, Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei akan mengadakan satu Majlis Perjumpaan dengan Pegawai Perubatan Negara pada hari Rabu 13 January, 1966 untuk merundingkan perkara tersebut dengan lebih lanjut.

Dunia Hari Ini INDONESIA HARI INI oleh Hanafi Joffri

DI-INDONESIA, walaupun gerak rampasan kuasa 30 September, yang di-pastikan sebagai anjoran Kominis itu telah di-hanchorkan, tetapi kedudukannya di-republic itu, nampaknya belum lagi puleh seperti sedia kala, atau sekurang-kurangnya dapat menjamin pulehnya ketenteraman dan keselamatan dalam semua lapangan.

Ini dapat-lah di-buktikan dari berbagai peristiwa yang wujud selepas 30 September, apabila pehak tentera terus mengemporkombolan Kominis dan penyokongnya di-seluruh republic itu, kajian yang di-buat ka-atas kedudukan jama'ah menteri, rusohan di-kalangan yang menentang Kominis, gerakan mem-berkas ka-atas kaum dagang kerana keadaan ekonomi dan sa-bagai-nya yang ada hubungan-nya di-kalangan rakyat dengan kerajaan dan ketenteraman.

SINGKIR JAWATAN

Di-Indonesia, President Sukarno sendiri baru2 ini menyatakan, bahawa sesiapa jua di-kalangan pegawai2 tertinggi yang tidak setuju dengan dasar yang di-amalkan hari ini, boleh-lah mengambil keputusan untuk menyingkirkan beliau dari menjadi pimpinan-nya.

Kenyataan Sukarno itu memang tegas, dan menurut sa-tengah2 kalangan oleh di-sebalkan Sukarno, hanya sa-orang pemimpin yang dapat menghadapi segala kesulitan, maka hingga sekarang tidak sa-orang pun para menteri dalam cabinet yang berani menentang kenyataan Sukarno itu.

Satu-nya lagi sebab2 mereka tidak terganjak untuk menentang-nya ia-lah kerana rakyat telah bersetuju untuk menjadikan Sukarno sebagai president sa-umur hidup-nya, walaupun Sukarno tidak lama dulu hampir2 di-tenggelamkan oleh pehak Kominis pimpinan Aidit.

SUBANDRIO

Berbalek kepada Kominis tadi, di-Indonesia selain dari Sukarno, dan Menteri Luar-nya Dr. Subandrio, tidak terdapat lain pemimpin yang dapat menahan sabar terhadap Kominis.

Tetapi baru2 ini, ia-itu kurang dari sa-bulan dulu, Subandrio sechra tiba2 telah mengubah telata-nya, apabila beliau menyebut Kominis terlibat dalam gerak rampasan kuasa yang gagal itu.

Dalam ucapan-nya kepada penuntut2 universiti di-Djakarta, Subandrio mengecap Kominis sebagai pengkhianat, dan dengan tindakan-nya terlibat dalam gerakan itu telah memecahkan tembeng keburukkan Kominis yang sa-benar.

Sa-lepas mengecam Party Kominis Indonesia PKI, pimpinan Aidit yang di-khabarkan telah terbunuh Subandrio kemudian-nya memberi tahu Peking supaya memberhentikan sikap mengambil tahu hal rumah

tingga Indonesia. Subandrio yang selama ini menyokong Peking enggan pula menyebelahi mana2 pehak, kalau pun tidak salah sa-buah dari dua kuasa itu. Dalam lain2 perkataan, Subandrio bersikap neutral atau berkecuali.

Lebeh berani Subandrio juga telah mengeneipkan bantahan China bahawa Indonesia telah mengeledah kedai2 bangsa Tionghwa di-Jawa Timur dengan menyebut kerajaan-nya berhak bersikap tidak sukakan China Kominis.

Dengan tindakan sechra tiba2 oleh Subandrio itu, Menteri Luar beliau berjaya melimpasi Sukarno dan bersedia menyebelahi Menteri Pertahanan Abdul Haris Nasution dan pegawai2 penglima tentera yang lain-nya.

PERUBAHAN SIKAP

Sekarang ada-lah di-sedarkan bahawa Subandrio telah bertukar sikap, terutama sekali terhadap Kominis, tetapi adakah tindakan Subandrio itu akan membawa kejayaan, belum-lah dapat di-pastikan, sa-telah Subandrio sendiri baru2 ini telah di-keluarkan dari Badan KOTI, rengkas kepada Kommando Operasi Tertinggi Indonesia, ia-itu majlis yang merangkakan perlambagaan.

Ini mungkin di-sebabkan kebanyakkan dari pegawai2 tentera yang selama ini maseh berasa ragu2 terhadap Subandrio, kerana Subandrio bersimpang, kalau pun tidak berniat jahat dalam perhubungan merampas kuasa 30 September.

Pihak tentera tidak mahu bertolak ansor dengan Kominis, selain dari menghanchorkan terus parti tersebut di-seluruh republic itu.

Pihak tentera dalam melanjutkan tempennya menentang dan tidak memperchayakan Kominis, kemudian dalam tiga minggu yang lalu telah mengumumkan kepada rakyat tentang pengakuan pemimpin2 tertinggi Kominis kerana terlibat dalam Gerak Rampasan Kuasa termasuk Njono, sa-orang pemimpin buroh.

Njono yang di-tangkap kira2 sa-bulan dulu dalam pengakuan-nya berkata, Kominis bukan hanya merancang untuk membuat rampasan kuasa tetapi juga untuk membunuh Sukarno, seperti beberapa orang panglima tentera darat yang menemu-maut-nya di-Lubang Buaya, tidak jauh dari Djakarta Kota.

Satu lagi kemuskilan yang terbit dari pengakuan Njono tentang pembunuhan terhadap Sukarno, jika beliau tidak menyutujui kepada kepu-

tusan majlis atas kemahuan Kominis untuk memerintah Republic Indonesia.

Adakah Sukarno tetap terpelihara jika dengan takdir Kominis dulunya berjaya merampas kuasa, ini sukar-lah untuk di-nilai kerana ura2 Kominis untuk berkuasa telah gagal. Kemudian apa pula ada kaitan-nya antara Sukarno dengan Kominis, selain dari ikrar-nya bahawa sebarang party politic boleh di-bentuk di-Indonesia, asalkan ia-nya tidak membelakangkan panchasila republic itu.

Sekarang Subandrio membuat keputusan menentang party Kominis, keputusan yang di-buat beberapa hari sebelum beliau di-singkirkan dari Badan KOTI.

SUKARNO

Kemudian bagaimana pula dengan sikap Sukarno terhadap Kominis, walaupun nampaknya beliau sa-orang pemimpin yang maseh mahu bertolak ansor dengan Kominis. Tolak ansor Sukarno ini dapat di-buktikan dari sikap-nya terus menerus menghalang pehak tentera yang menuntut supaya Sukarno mengharman terus party Kominis.

Sekarang kemahuan tentera itu belum penuh di-berikan oleh Sukarno. Sedang kedudukan ini maseh belum tetap, kemudian timbul pula satu lagi keriohan dalam segi ekonomi, apabila beribu2 pedagang di-berkas kerana tidak mengindahkan amaran kerajaan supaya menerima rupiah, nilai wang Indonesia yang baru untuk menggantikan yang lama. Nilai wang rupiah telah di-perbaharui dengan tukaran 1,000 rupiah kepada 1 rupiah wang kertas baru.

Adakah keributan ini boleh menimbulkan satu lagi peristiwa baru di-Indonesia mungkin keadaan sahaja yang dapat menentukan-nya, bagaimana pun untuk menentukan-nya ikuti-lah perkembangan yang sekarang berlaku di-republic itu.

Pertandingan Bintang Pelajar Sekolah Melayu S.M.J.A.

BANDAR BRUNEI. — Awangku Sulaiman bin Pengiran Metali telah berjaya memenangi gelaran sebagai "Bintang Pelajar Bahagian Lelaki" Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam pada tahun ini.

Pertandingan menyanyi tersebut telah di-langsungkan di-temasha 'Malam Ria Sekolah Melayu S.M.J.A. bertempat di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada malam 14 Disember, 1965 sa-bagai salah satu dari acara Sambutan Akhir Persekolahan, Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam.

Dayangku Mahani binte Pengiran Jair pula telah berhasil memperolehi gelaran sebagai "Bintang Pelajar Bahagian Wanita" Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam pada tahun ini.

Keputusan pertandingan menyanyi tersebut ada-lah seperti berikut:

Bahagian Lelaki: Johan — Awangku Sulaiman bin Pengiran Metali. Naib Johan — Masri Arshad. Pemenang Ketiga — Johari Haji Omar.


Bahagian Wanita: Johan — Dayangku Mahani binte Pengiran Jair. Naib Johan — Dayangku Norlela binte Pengiran Haji Puteh. Pemenang Ketiga — Norhaidah Hamid.

LAGU BRUNEI ASLI

Dayangku Mahani binte Pengiran Jair telah memperolehi tepok sorak yang kuat dari para penonton apabila ia di-ishtiharkan sebagai Pemenang Pertama dalam Pertandingan Lagu Brunei Asli di-temasha tersebut.

Pemenang Kedua dalam Pertandingan Lagu Brunei Asli itu ia-lah Dayang Maimun binte Khatib Haji Mohsin dan gelaran Pemenang Ketiga di-sandang oleh Aminah Jambol.

Isteri Awang Shahbudin bin Saleh, Nadzir Sekolah2 Melayu Brunei Satu telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 tersebut.



Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Datu Seri Paduka Marsal bin Maun telah merasmikan pembukaan Balai Raya Kampung Lepong di-Daerah Temburong pada

hari Sabtu 18 Disember, 1965. Dalam gambar ini kelihatan Yang Amat Berhormat Datu Seri Paduka Marsal sedang melafadzkan ucapan di-majlis tersebut.

Jawatan Kosong

Permohonan ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Penterjemah Kanan di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon hendaklah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Tertinggi (Higher School Certificate) dengan mendapat kepujian dalam kedua2 bahasa Melayu dan Inggeris, atau kelulusan yang sebanding dengan-nya; dan
- Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam selok-belok penterjemahan sekurang2-nya selama 3 tahun; atau
- Mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam kedua2 bahasa Melayu/Inggeris dan mempunyai pengalaman dalam hal ehwal penterjemahan sekurang2-nya selama lima tahun, atau kelulusan yang sebanding dengan-nya. Kelebehan dan pertimbangan khas akan di-beri pada mereka yang mempunyai pengalaman dari tujuh tahun ka-atas.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$570x 30-840. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

Penterjemah Inggeris/Melayu Dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei

Permohonan ada-lah di-jemput bagi beberapa jawatan kosong sebagai Penterjemah Inggeris/Melayu dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei. Hanya chalon2 yang mempunyai kelayakan2 sekolah yang di-kehendaki sahaja yang perlu memohon.

Kelayakan — Chalon2 mesti-lah dari bangsa Melayu, telah lulus Overseas School Certificate dan lulus sekurang2-nya darjah VI Sekolah Melayu. Chalon2 hendak-lah juga dapat membaca dan menulis tulisan Jawi

Gaji: — Gaji bagi jawatan ini ialah dalam tingkatan \$350 - 370 - 380x20 - 620 sa-bulan atau dalam tingkatan \$570x30

Sharat2 Lantekan: Chalon yang berjaya bukan ra'ayat Sultan akan di-beri kontrak selama 3 tahun termasuk-lah 6 bulan masa percuti. Pembaharuan kontrak ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Januari, 1966.

Permohonan ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan sebagai Penolong Jurutera Ayer di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan dan Pengalaman:

Mesti-lah lulus peperiksaan "Institution of Civil Engineers" Bahagian I dan II, atau mempunyai ijazah kejuruteraan atau diploma yang membebaskan dari peperiksaan yang tersebut di-atas, dari sa-buah Universiti atau maktab yang di-akui.

840 sa-bulan. Tingkatan gaji yang dipakai dan gaji permulaan akan bergantung di-atas kelayakan dan pengalaman.

Sharat2 Perkhidmatan: Chalon2 yang bukan ra'ayat Sultan akan di-lantek sechura berkontrek selama 3 tahun tempoh yang mana enam bulan yang pertama akan dalam percuti. Kontrek boleh di-baharui sekiranya kedua2 pihak bersetuju.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Tambang: — Tambang kapal laut kelas satu atau dua ber-

Waktu Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 22 Disember hingga kahari Selasa 28 Disember, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
22	12-21	3-40	6-16	7-31	4-47	5-02	6-20	
23	12-22	3-41	6-17	7-32	4-48	5-03	6-21	
24	12-22	3-41	6-17	7-32	4-48	5-03	6-21	
25	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22	
26	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22	
27	12-24	3-43	6-19	7-34	4-50	5-05	6-23	
28	12-24	3-43	6-19	7-34	4-50	5-05	6-23	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

PENOLONG JURUTERA AYER

Setelah memperolehi kelayakan yang tersebut, chalon2 mesti-lah memperolehi pengalaman selama tidak kurang dari dua tahun (tambahan kepada pengalaman professional yang lain) dalam kerja pembekalan ayer moden, sama ada dalam bidang pengelolaan dan melihara, berkaitan dengan pembekalan ayer kepada awam.

Umur mesti-lah tidak kurang dari 26 tahun dan pengetahuan

berbahasa Melayu ada-lah satu ke-utamaan.

Gaji: Dalam sukatan mata wang Malaysia \$1020x40-1660 sabulan. Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan: Sechura berkontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui sekiranya kedua2 pihak bersetuju.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan: Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dan lain2-nya boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Januari, 1966.

PENGETUA SEKOLAH UGAMA MENENGAH (ARAB)

Permohonan ada-lah di-jemput daripada orang ramai untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pengetua Sekolah Agama Menengah (Arab) Hassanah Bolkiah, di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Umur di-antara 30 hingga 45 tahun;
- Memegang Degree B.A. (Honours) atau setaraf dengan-nya dari mana2 University Islam yang di-akui;
- Mempunyai pengalaman di-dalam dunia pendidikan tidak kurang dari 5 tahun;

(d) Mempunyai pengalaman di-dalam pentadbiran persekolahan.

Gaji: — Dalam sukatan gaji \$1020 x40 - 1660 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan: Kontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui jika kedua2 pihak bersetuju.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Tambang: — Tambang kapal laut

kelas pertama akan di-adakan dari tempat lantekan ka-Brunei bagi chalon yang berjaya, isteri-nya dan hingga tiga orang anak yang berumur tidak lebih dari 18 tahun. Tambang yang serupa ka-tempat pengambilan akan di-beri sa-telah tamat kontrak yang memuaskan.

Chuti: — Chuti selama 4 hari sabulan jika di-lantek itu berumur di-bawah 40 tahun dan 5 hari sa-bulan jika yang di-lantek itu berumur lebih dari 40 tahun pada tarikh lantekan.

Rumah: — Rumah, kalau ada, termasuk perkakas rumah yang berat akan di-adakan dengan

di-kenakan sewa sebanyak 10% dari gaji sa-bulan dan tidak pula lebih dari \$120 sabulan.

Chukai Pendapatan: Pada masa ini tidak ada di-kenakan chukai pendapatan di-Brunei.

Permohonan yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setiausaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Januari, 1966.

LUMBA BERJALAN KAKI SEKOLAH MELAYU AMAR PAHLAWAN BURONG PINGAI

OLEH AWANG MD. HUSAIN ZA'NAL

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Burong Pingai, Berakas telah mengadakan perlombongan Lumba Berjalan Kaki pada 10 Disember, 1965 bertempat di-kawasan Kampong Burong Pingai Berakas.

Perlombongan ini ada-lah satu daripada acara temasha penutup persekolahan bagi tahun 1965, dan perlombongan berjalan kaki ini ia-lah rancangan tahunan sekolah itu. Tahun ini ia-lah tahun ketiga Sekolah Melayu Amar Pahlawan mengadakan Lumba Berjalan Kaki.

BAHAGIAN PERLUMBAAN: Dibahagikan kepada dua kumpulan ia-itu: —

(a) *Kumpulan Murid Lelaki:* Dari Darjah III ka-Darjah V. Jauh perlombongan ia-lah 4 batu. Dalam bahagian ini sa-ramai 29 orang telah menyertai perlombongan.

(b) *Kumpulan Murid Perempuan:* Dari Darjah III ka-Darjah V. Jauh perlombongan ia-lah 1½ batu. Dalam bahagian ini saramai 26 orang telah menyertai perlombongan.

PUTUSAN PERLUMBAAN:

(a) *Kumpulan Murid Laki2.* Pertama: Awang Abdullah bin Salim.

Kedua: Awang Jambul bin Muhammad.

Ketiga: Awang Ibrahim bin Md. Ja'afar.

(b) *Kumpulan Murid Perempuan:*

Pertama: Dayang Fatimah binte Kaling.

Kedua: Dayang Halimah binte Hamid.

Ketiga: Dayang Aminah binte Samat.

HADIAH REBUTAN: Yang direbutkan pada tiap2 tahun ia-lah:

(a) *Bahagian Laki2:* Piala Perak Awang Mohamed Yusof bin Dato Imam, Ketua Kampong Burong

Pingai Berakas di-menangi oleh Awang Abdullah bin Salim. Tahun 1964 pun di-pegang oleh Awang Abdullah bin Salim juga.

(b) *Bahagian Perempuan:* Piala Perak Che'gu Pengiran Hashim bin Pg. Chuchu bekas Guru Besar Sekolah Melayu Amar Pahlawan Burong Pingai Berakas, di-menangi oleh Dayang Fatimah bt. Awang Kaling. Tahun 1964 telah di-pegang oleh Hajjah Madah bt. Hj. Md. Tahir.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Awang Haji Umar bin Metserudin.

Dayang Jennie Chee sa-orang murid sekolah yang mempunyai harapan yang baik dimasa hadapan untuk memenangi perlombongan basikal antara wanita2. Dalam perlombongan basikal sa-jauh 10 batu yang telah di-adakan di-Kawasan Tongkadeh pada hari Ahad 12 Dec., bukan sahaja Jennie berjaya memenangi perlombongan itu, bahkan ia juga telah dapat "memecahkan rekod" lama yang di-chiptakan pada tahun 1964 oleh Leong Siew Choon. Dalam perlombongan basikal pada tahun yang lalu, Jennie telah mendapat gelaran Naib Johan.



Hari2 Kelepasan Awam-1966

Ada-lah dengan ini di-beritahu bagi pengetahuan ramai bahawa Sultan dalam Majlis Mashuarat telah mengisytiharkan hari2 yang berikut ada-lah hari2 kelepasan awam di-Negeri Brunei bagi tahun 1966:—

Awal Tahun Masehi

Hari Tahun Baru China

* Hari Raya Puasa dan Hari berikutnya

* Hari Raya Haji dan Hari berikutnya

* Awal Tahun Hijrah 1386

Hari Keputeraan Baginda Queen

* Maulud

Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M. Al-Sultan

Hari Perlembagaan

* Me'raj

* Hari Pertama bagi bulan Ramadhan 1386

Hari Krismas dan Hari berikutnya

Hari Sabtu 1 Januari

Hari Sabtu 22 Januari (sebagai ganti hari Juma'at 21 Jan.)

Hari Ithnin 24 Januari dan Hari Thalatha 25 Januari (sebagai ganti Hari Ahad 23 Januari)

Hari Sabtu 2 April dan Hari Ithnin 4 April (sebagai ganti Hari Juma'at 1 April)

Hari Sabtu 23 April (sebagai ganti Hari Juma'at 22 April)

Hari Sabtu 11 Jun

Hari Sabtu 2 Julai (sebagai ganti hari Juma'at 1 Julai)

Hari Sabtu 24 September (sebagai ganti Hari Juma'at 23 September)

Hari Khamis 29 September

Hari Sabtu 12 November (sebagai ganti hari Juma'at 11 November)

Hari Rabu 14 Disember

Hari Ithnin 26 Disember (sebagai ganti Hari Ahad 25 Disember) dan Hari Thalatha 27 Disember.

* Terta'alok kepada perubahan.

Jawatan2 Kosong

DI-PEJABAT UGAMA DAERAH BELAIT

Pemohon2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan atau mereka yang berhak menjadi ra'ayat Sultan yang tinggal di-Seria/Kuala Belait untuk memohon satu Jawatan Kosong seperti di-bawah:

Merbut: (Satu Jawatan Kosong di-Masjid Mohamed Jamalul Alam, Kuala Belait.)

i. Umor di-antara 25 tahun hingga 40 tahun.

ii. Tinggal di-Seria atau Kuala Belait.

iii. Mempunyai pengalaman yang sesuai dengan Jawatan Merbut.

iv. Gaji: Dalam tingkatan Merbut: U-1 152x4-192x8-232.

Gaji: (Gaji permulaan akan dipertimbangkan mengikut ke-layakan.)

Peringatan: Surat2 permohonan mesti-lah di-tujukan kepada Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Brunei melalui Kadzi Daerah Belait.

Borang2 permohonan boleh di-dapati di-Pejabat Kadzi Daerah Belait, dan mesti-lah di-kembalikan kepada pejabat ini tidak lewat 31 Disember, 1965.

PEON

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memohon jawatan Peon di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan: Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu.

Gaji: Dalam sukatan gaji F.1-2-3-4-5-6 5143x3-158-160-180x4-200.

Permohonan2 mesti-lah di-isi di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 30 Disember, 1965.

Jawatan Kosong: Guru Sekolah Arab

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada orang ramai untuk memohon jawatan kosong sebagai GURU SEKOLAH ARAB di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan dan Pengalaman:

(1) Umor di-antara 30 hingga 45 tahun;

(2) Memegang Ijazah dari mana2 University Islam yang di-akui atau pun memegang Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya;

(3) Orang yang mempunyai Diploma Pendidikan ada-lah di-utamakan;

(4) Keutamaan ada-lah di-beri kepada orang2 yang berpengalaman dalam dunia pendidikan.

Gaji:—Dalam sukatan gaji \$570x30 - 900, Gaji permulaan mengikut ke-layakan dan pengalaman.

Sharat2 Lanjutan: — Kontrek selama tiga tahun dalam mana tempoh enam bulan yang pertama ada-lah dalam perhubungan. Kontrek boleh di-baharui jika kedua2 belah pihak bersetuju.

Baksis:—Baksis sebanyak 12% daripada gaji di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 lanjut mengenai: dengan tambang, rumah, cuti dan lain2-nya boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 14 Januari, 1966.

MAJLIS PERPISAHAN ANJORAN JABATAN PELAJARAN

BANDAR BRUNEI — Pegawai2 dan kaki-tangan Jabatan Pelajaran Brunei telah mengadakan satu Majlis Perpindahan kerana meraikan Awang Chin Chu Chung, Ketua Kerani Jabatan Pelajaran Brunei yang akan bersara dari Perkhidmatan Kerajaan mulai 1 Januari, 1966 sa-telah berkhidmat selama 19 tahun.

Majlis Perpindahan tersebut telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada malam Ahad yang lalu dan di-hadiri oleh ramai para jemputan serta Pegawai2 dan kaki-tangan Jabatan Pelajaran Brunei.

Di-antara para hadirin di-majlis tersebut ia-lah Menteri Pelajaran Brunei merangkap Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Penolong Menteri Pelajaran Brunei, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lokan bin Uking; Pegawai Pelajaran Negara, Awang Malcolm MacInnes dan beberapa orang Pegawai2 Kerajaan.

Ucapan2 yang berharga telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof, Awangku Zahari bin Pengiran Damit, Awang Norman Bradbury dan oleh Pengerusi Majlis tersebut, Awang I. Arthur Shim.

Awang Chin Chu Chung yang di-raikan di-majlis itu telah membalas ucapan2 tersebut dalam Bahasa Melayu. Beliau juga telah berpantun sebagai mengucapkan "Selamat Berpisah" kepada Pegawai2 dan kaki-tangan Jabatan Pelajaran serta lain2-nya.

Sebagai tanda kenangan terhadap jasa dan perkhidmatan Awang Chu Chung itu, Pegawai2 dan kaki-tangan Jabatan Pelajaran telah menghadiahkan chenderamata berupa sa-buah tongkat dan sa-buah kotak rokok perak.

Chenderamata tersebut telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof kepada Awang Chu Chung di-majlis tersebut.

Awang Ang Kim Chan akan menggantikan Awang Chu Chung mulai awal bulan Januari akan datang.

Penuntut2 Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei telah mengadakan satu temasha yang meriah di-Dewan Sekolah Melayu SMJA pada pagi hari Khamis 15 Disember, 1965 sebagai salah satu dari acara2 sambutan Akhir Persekolahan tahun ini. Dalam gambar ini kelihatan Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Satu, Awang Shahbudin bin Saleh memberi ucapan di-majlis tersebut.



Peraduan Bahath Anjoran Asterawani

BANDAR BRUNEI — Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei (ASTERAWANI) akan mengadakan projek majlis bahath bagi kali kedua, terbuka kepada persatuan2, kelab2 belia maktab2 dan sekolah2 menengah Sa-Negeri Brunei.

Menurut salah sa-orang dari Jawatan Kuasa Asterawani bahawa majlis bahath kali ini, akan di-adakan, dalam dua peringkat, ia-itu peringkat daerah dan negeri.

Dalam peringkat daerah, ia-itu bahagian pertama, ia-lah daerah Brunei dan Muara, akan di-selenggarakan oleh Asterawani sendiri. Bahagian kedua, Daerah Tutong akan di-selenggarakan oleh Persatuan Pemuda Pemuda Keriam, dan ketiga Bahagian Daerah Seria dan K. Belait, akan di-selenggarakan oleh Persatuan Kelab Belia Seria.

Kira-nya kedua2 persatuan ini tidak dapat menyelenggarakan-nya, maka hal ini akan dengan sendiri-nya di-usahakan oleh Asterawani sendiri.

Dari itu, Asterawani berseru kepada

seluruh Persatuan2, Kelab2 Belia, Maktab2 dan Sekolah2 Menengah di-negeri ini agar mengambil bahagian dalam projek ini.

Persatuan2, Kelab2 Belia, Maktab2 dan Sekolah2 Menengah yang ingin memasoki-nya, sila berhubung dengan Setia Usaha Agong Asterawani, alamat peti surat 434 Bandar Brunei, tidak lewat dari 15 Januari 1966 untuk

mendapatkan borang dan keterangan2 lanjut.

Chatetan—Johan Bahath 1964 ia-lah Persatuan BAKTI, yang telah memenangi Perisai Rebutan Awang Hj. Md. Zain bin Hj. Serudin dan Naib Johan ia-lah Persatuan PATUH yang memenangi Perisai Rebutan Awang Mohammed Zain Ariff.

Pengetua Ugama Merasmikan Pembukaan Masjid Baru Pengkalan Batu

KAMPONG PENGKALAN BATU — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah merasmikan pembukaan Masjid Baru Pengkalan Batu pada hari Juma'at 17 Disember, 1965.

Ucapan2 yang berharga telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin; Abang Razali b. Haji Zainuddin, Kadzi Daerah Brunei dan Muara serta oleh beberapa orang yang lain.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin; Abang Razali bin Haji Zainuddin dan rombongan dari Bandar Brunei telah juga menyempurnakan sembahyang fardhu Juma'at sa-belum balek ka-Bandar Brunei.

Tarikh Mulai Berpuasa

BANDAR BRUNEI — Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei dengan kerjasama Jabatan Ukur Brunei akan melihat anak bulan Ramadhan 1385 pada petang hari Khamis 23 Disember, 1965 untuk menentukan tarikh mulai berpuasa tahun hijrah 1385 bagi Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei.

Jika anak bulan Ramadhan kelihatan pada petang hari Khamis 23 Disember, 1965, maka permulaan Puasa akan jatuh pada hari Juma'at 24 Disember, 1965.

Jika anak bulan Ramadhan tidak kelihatan pada petang hari Khamis 23 Disember, 1965, maka Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei akan berpuasa mulai pada hari Sabtu 25 Disember, 1965.

PERSEMBAHAN "MASAM DAN MANIS" DI-BOLKIAH KEM BERHASIL

BOLKIAH KEM — Anggota2 Tentera British di-Brunei dengan kerjasama Pasokan Pancharagam Pulis Diraja Brunei, Brunei Amateur Dramatic Society dan 69 Steshen Workshop REME telah mempersembahkan satu temasha Aneka Warna berjudul "Masam dan Manis" di-Dewan Bolkiah, Bolkiah Kem, Berakas pada malam 17 dan 18 Disember, 1965, dengan memperolehi sambutan yang baik dari para penonton.

Persembahan tersebut telah di-tulis dan di-arahkan oleh Awang Frank Arnold. Awang Mike Croft telah bertugas sebagai Pengurus Pentas, manakala hiasan musik di-selenggarakan di-bawah pimpinan Awang George Crowhurst, Pengarah Musik, Pancharagam Pulis Diraja Brunei.

Di-antara acara2 yang telah dipersembahkan di-temasha tersebut ia-lah persembahan permainan "XYLOPHONE" oleh Kopral Sharif Ismail dan Kopral Alias Ibrahim dari Pancharagam Pulis Di-raja Brunei.



Kanak2 yang kecil molek dalam gambar ini kelihatan mempersembahkan sa-buah Tarian Hula-Hula di-Malam Sambutan Akhir Persekolahan, Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada malam 14 Disember, 1965. Siapakah guru yang mengajar tarian itu? Boleh jadi, Chegu Dayang Siti Yusof Khan yang kelihatan di-penjuru kiri gambar ini.